

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan semua skim bantuan keusahawanan, geran dan pinjaman bagi golongan anak muda, golongan lelaki dan golongan wanita India untuk menambah baik status kehidupan mereka dan nyatakan bilangan permohonan pinjaman perniagaan, sama ada lulus atau gagal mengikut pecahan etnik.

**JAWAPAN**

1. Kerajaan melalui TEKUN telah menyalurkan bantuan pemberian kepada usahawan kaum India melalui program khusus iaitu Program Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) yang mula dilaksanakan sejak dari tahun 2008.
2. Jumlah pemberian yang ditawarkan adalah dari RM1,000 sehingga RM100,000. Manakala tempoh bayaran balik pemberian di antara 6 bulan sehingga 10 tahun dengan kadar keuntungan sebanyak 4%.
3. Bagi tahun 2021 sehingga November, TEKUN Nasional telah membiayai seramai 26,837 usahawan dengan nilai pemberian berjumlah RM499 juta dan daripada jumlah itu, seramai 1,551 adalah terdiri daripada usahawan India dengan pemberian berjumlah RM30 juta.

Pecahan pemberian mengikut komposisi pada tahun 2021 sehingga bulan November :

BIL	KAUM	BIL	NILAI (RM)
1	BUMIPUTERA	25,286	469,400,000
2	BUKAN BUMIPUTERA	1,551	30,017,000
<b>JUMLAH</b>		<b>26,837</b>	<b>499,417,000</b>

4. Bagi persoalan yang dibangkitkan berhubung penyaluran bantuan peruntukan di bawah Kementerian Perpaduan MITRA, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memulakan siasatan ke atas pengurusan Geran MITRA. Dengan itu, soalan mengenai MITRA tidak dapat dijawab kerana dikhuatiri sebarang pendedahan maklumat yang terperinci mengenai perkara ini akan mengganggu siasatan yang sedang dilaksanakan oleh pihak SPMR.